



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH, 1956-1987



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMAD AZANNUDIN BIN MOHD ASHARI



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH,1956-1987

MUHAMAD AZANNUDIN BIN MOHD ASHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN INDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 10.....(hari bulan) (bulan) 2023**i. Perakuan pelajar :**

Saya, MUHAMAD AZANNUDIN BIN MOHD ASHARI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH 1956-1987

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROFESOR MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH 1950-1987

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/3/2023

Tarikh

PROF MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN
Tandatangan Penyelia
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA
GAYONG KEDAH 1956-1987

No. Matrik /Matic's No.: M20181001191

Saya / I : MUHAMAD AZANNUDIN BIN MOHD ASHARI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cob Rasmii / Name & Official Stamp)

Fakulti Sains Kemahiran**Universiti Pendidikan Sultan Idris**Tarikh: 10/3/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya mengucapkan syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya telah memberi peluang serta keupayaan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini mengenai Perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 1956-1987. Penulis juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia tesis iaitu Profesor Madya Dr. Khairi bin Ariffin kerana telah banyak membimbang penulis dan telah bersabar dengan perkembangan tesis ini. Tanpa kesabaran yang telah ditunjukan oleh beliau, penulis merasakan bahawa kajian ini tidak akan siap.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia, cawangan yang terlibat iaitu, cawangan Kota Bharu bertempat di Sering, serta cawangan Gurun kerana telah mengizinkan saya membuat tesis tentang mengenai Perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 1956-1987 khususnya dan guru-guru utama yang telah banyak membantu saya dalam usaha mengumpul bahan dan maklumat berkaitan dengan Seni Silat Melayu ini iaitu Dato' Abdul Majid bin Mat Isa. Tanpa kerjasama dengan pihak pertubuhan, kajian ini kemungkinan besar akan menghadapi pelbagai masalah.



Selain itu, penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga terutamanya ibu saya, Safinah binti Mat Ali dan bapa Mohd Ashari bin Abd Rahman dan isteri Nurasyikin binti Abd Razak serta rakan-rakan ahli persatuan yang terlibat atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan kepada penulis. Tanpa sokongan dan doa daripada mereka, penulis berasaskan bahawa tidak akan berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Akhir kata, penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sama ada langsung atau tak langsung dalam menyiapkan tugas tesis ini.

Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Penyelidikan ini berkaitan dengan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 1956-1987. Kajian mengenai ilmu persilatan sememangnya banyak dilakukan oleh penyelidik dahulu namun kajian mengenai organisasi silat yang wujud di Kedah masih tidak menyentuh khususnya tahun yang dipilih oleh penyelidik. Kajian ini dilakukan bagi melihat organisasi pertubuhan yang terkenal iaitu Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah dalam mengorak langkah memperkembangkan institusi silat kepada masyarakat. Kaedah yang digunakan adalah secara Kualitatif. Penyelidik mendapatkan data menerusi temubual bersama ahli keluarga serta ahli pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong bagi mencerap butir-butir dokumen mengenai pertubuhan yang ada. Selain itu, kaedah perpustakaan juga digunakan dalam kajian tesis ini. Kajian ini juga mendapat bahawa Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah sememangnya mempunyai cara tersendiri dalam menyebarkan ilmu tersebut kepada masyarakat dan merapatkan ikatan antara ahli dan masyarakat seperti menggunakan sukan pelajaran khas. Pengkaji telah meneliti latar belakang pertubuhan, peraturan dan perundangan, penglibatan ahli dan masyarakat serta kesan penubuhannya. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah ini dapat dilihat apabila setiap perguruan di cawangan yang wujud diberikan mandat untuk mengajar ilmu tersebut kepada masyarakat setempat dengan adanya sijil pendaftaran pertubuhan dengan Persekutuan Kebangsaan Silat Malaysia (PESAKA). Kesimpulannya, dengan adanya Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah, masyarakat dapat pelbagai manfaat dan keharmonian sejagat terjaga. Kesannya, masyarakat mendapat pendidikan dalam membentuk keperibadian seperti undang-undang agama dalam kehidupan.





THE DEVELOPMENT OF SENI SILAT PUSAKA GAYONG ORGANIZATION KEDAH 1956-1987.

ABSTRACT

This research is related to Perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 1956-1987. Many studies have been conducted in the past about martial arts knowledge. However, studies on martial arts organizations in Kedah are still not comprehensive, especially the year chosen by researchers. This study was conducted to look at the well-known organization of the Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah, to develop martial arts institutions for the community. Qualitative methods were used in this research. The data was obtained through interviews with family members of the Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong to record the details of documents about the existing organization. In addition, the library method was also used in the study of this thesis. This study also found that Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong has its way of disseminating knowledge to the community and strengthen the bond between members and the community such as using a special syllabus. Researchers have examined the background of the organization, rules and legislation, the involvement of members and the community, and the impact of its establishment. This situation shows that the development of Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah can be seen when every school in the existing branch is given the mandate to teach the local community with a certificate of registration with the National Federation of Silat Malaysia (PESAKA). In conclusion, the community can get various benefits and harmony through the existence of Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. As a result, society is educated in shaping personalities like the law of religion in life.





KANDUNGAN

Muka Surat	
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Latar belakang kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Soalan Kajian	6
1.4 Metodologi Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Sorotan Kajian Lepas	12
1.8 Definisi Istilah	20





1.9	Pembahagian Bab	23
1.10	Kesimpulan	27

BAB 2 LATAR BELAKANG PERSATUAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH.

2.0	Pengenalan	29
2.1	Ilmu Silat Merentas Waktu	
	2.1.1 Silat Zaman Tradisional	31
	2.1.2 Silat Zaman Kedatangan Islam Abad Ke-15	34
	2.1.3 Silat Zaman Moden Di Kedah	35
2.2	Sejarah Kompetensi Mempertahankan Diri, Kedah	37
2.3	Asal usul Pertubuhan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah.	46
	2.3.1 Pengasas Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	48
	2.3.2 Sejarah penubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	54
	2.3.3 Matlamat penubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah	59
	2.3.4 Objektif	60
	2.3.5 Warna Lambang	65
	2.3.6 Tahap penguasaan kemahiran dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah.	66
	2.3.7 Pemangkin semangat ahli Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong	68
2.4	Pakaian Rasmi Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	69





2.4.1 Tengkolok	70
2.4.2 Baju Dan Seluar	72
2.4.3 Bengkong	73
2.4.4 Kain Sampin	73
2.5 Senjata Rasmi Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong	74
2.6 Kesimpulan	76

BAB 3 PENGLIBATAN AHLI DALAM PERSATUAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH.

3.0 Pengenalan	78
3.1 Carta Organisasi	80
3.2 Ahli Dalam Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	81
3.2.1 Negeri Kedah	81
3.2.2 Negeri Kelantan	84
3.3 Peraturan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah.	86
3.4 Penubuhan Biro Agen Dan Peraturan Untuk Pendidikan Ahli Persatuan	110
3.5 Pendapatan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	111
3.5.1 Keahlian Sebagai Ahli Seni Silat Pusaka Gayong	112
3.5.2 Premis Perniagaan	112
3.5.3 Pusat Kebudayaan	113
3.5.4 Badan Bukan Kerajaan NGO (Non-Governmental Organisation)	114





3.6	Peranan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kepada Masyarakat Kedah	115
3.6.1	Keagamaan Dan Pegangan sebagai ahli	117
3.6.2	Sumbangan Ekonomi	118
3.6.3	Pembentukan Akhlak Dan Kerohanian sebagai ahli	118
3.6.4	Silat Sebagai Ilmu Pertahanan Dan Hiburan	120
3.6.5	Melahirkan Jati Diri Yang Utuh	122
3.6.6	Kesihatan Kepada Pengamal (Ahli)	123
3.6.7	Melahirkan Ahli Yang Patuh Dan Mempunyai Keberanian	124



BAB 4 PERKEMBANGAN PERSATUAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH.

4.0	Pengenalan	127
4.1	Cawangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah	129
4.1.1	Cawangan Kampung Simpang Tiga Pasir, Kampung Simpang Tiga Pasir Merbok, Kedah.	130
4.1.2	Cawangan Kg. Paya Kelubi, Bukit Ketari, Perlis	134
4.1.3	Cawangan sungai Tok Pawang, Bedong, Kedah	136





4.1.4 Cawangan Yan Kedah (di rumah Abu Saman Abdullah Kampung Telok Mat Acheh Yan Kedah. 138

4.2 Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dalam Gerakan Badan-Badan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organization) NGO 141

4.2.1 Bantuan Mangsa Banjir 141

4.2.2 Ceramah 143

4.3 Aktiviti Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah

4.3.1 Kejohanan 144

4.3.2 Pertunjukan 145

4.3.3 Perfileman 145

4.4 Kedudukan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong dalam Sistem Pendidikan di Kedah. 146

4.5 Perbelanjaan Sumber Pendapatan Setiap Cawangan Mengikut Tahun 152

4.6 Penyertaan Atlet dalam Sukan Silat Olahraga Wakil Negeri 164

4.7 Jenis bantuan yang diterima oleh Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dalam membentuk satu pertubuhan

4.7.1 Pejabat Belia dan Sukan Negeri 172

4.7.2 Kandis Resource Centre (KRC) 173

4.8 Cabaran dalam Mengembangkan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong di Kedah 175





4.9	Kesimpulan	184
-----	------------	-----

BAB 5 KESAN PENUBUHAN PERSATUAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH.

5.0	Pengenalan	186
5.1	Pembentukan Kesatuan Melayu Kedah	187
5.2	Menyekat Anasir Subversif (Komunis)	191
5.3	Membantu ketenteraan awam seperti Polis bantuan, Rela dan Angkatan Tentera Malaysia.	198
	5.3.1 Latihan Ketangkasan	199
	5.3.2 Membanteras Komunis	200
5.4	Pengiktirafan yang diperoleh Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah	
	5.4.1 Pertahanan Ketiga dalam Negara	201
	5.4.2 Warisan Bangsa Melayu	203
	5.4.3 Gelanggang Dakwah	204
	5.4.4 Alat Penyatuan Ummah	206
5.5	Kesimpulan	207
BAB 6	KESIMPULAN	209
RUJUKAN		230





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jumlah Keseluruhan Bilangan Ahli Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah Pada Tahun 1979 Sehingga Tahun 1987	82
4.1 Senarai Cawangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong	129
4.2 Bilangan Penyertaan Ahli Seni Silat Pusaka Gayong Cawangan Kampung Simpang Tiga Pasir Merbok Mengikut Tahun.	132
4.3 Silibus Untuk Ahli Baru Seni Silat Pusaka Gayong	133
4.4 Bilangan Penyertaan Ahli Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Cawangan Kampong Paya Kelubi, Bukit Ketari, Perlis Mengikut Tahun	136
4.5 Bilangan Penyertaan Ahli Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Sungai Tok Pawang, Bending Kedah Mengikut Tahun	137
4.6 Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Yan Kedah Mengikut Tahun 1979 Sehingga 1987	139
4.7 Perbelanjaan Sumber Pendapatan Setiap Cawangan Mengikut Tahun Pada Tahun 1979	152
4.8 Sumber Pembelanjaan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan: Sungai Tok Pawang, Bedong Kedah Tahun 1980	154
4.9 Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Sungai Tok Pawang, Bedong Kedah Pada Tahun 1981	155
4.10 Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Sungai Tok Pawang, Bedong Kedah Pada Tahun 1982	156





4.11	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Kampung Simpang Tiga Pasir Merbok, Kedah Pada Tahun 1979	157
4.12	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan: Kampung Simpang Tiga Pasir, Merbok, Kedah Pada Tahun 1980	158
4.13	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Kampung Simpang Tiga Pasir, Merbok, Kedah. Pada Tahun 1981	159
4.14	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Kampung Paya Kelubi Bukit Keteri Perlis Pada Tahun 1979	161
4.15	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Cawangan Kampung Paya Kelubi Bukit Keteri Perlis Pada Tahun 1980	162
4.16	Perbelanjaan Sumber Pendapatan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Cawangan Kampung Paya Kelubi Bukit Keteri Perlis Pada Tahun 1981	163
4.17	Kategori Bahagian Remaja (14 Tahun Hingga 18 Tahun)	167
4.18	Kategori Bahagian Teruna (18 Hingga 22 Tahun) Dan Bahagian Dewasa (22 Tahun Hingga 35 Tahun)	168





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Pengaruh Budaya Hindu 34
2.2	Pertapakan Awal Penduduk Di Negeri Kedah 37
2.3	Lambang Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 61
2.4	Lambang Tahap Penguasaan Kemahiran Seni Silat Pusaka Gayong 66
2.5	Pakaian Silat Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah 69
2.6	Tengkolok Mahkota Alam 70
2.7	Senjata Silat Keris 75





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MEN	Majlis Eksekutif Negeri
MMN	Majlis Mesyuarat Negeri
MPC	Majlis Penyelia Cawangan
NGO	Agensi-agensi badan bukan kerajaan
PERSILAT	Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa
PESAKA	Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
PSSCM	Pertubuhan Seni Silat Cekak Malaysia
PSSGM	Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia
PSSPGK	Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah
SEA	South East Asian
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya





BAB 1

TAJUK: PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SENI SILAT PUSAKA GAYONG KEDAH, 1956-1987



Penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah, merupakan salah satu pertubuhan yang didaftarkan secara rasmi dalam Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA). Pertubuhan ini berdaftar pada tahun 1978¹ dengan nombor pendaftaran 1756 didapati menjadi satu pertubuhan yang digerakan oleh masyarakat tempatan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat Melayu supaya bersatu padu dalam beberapa usaha yang dilakukan pada tahun 1956 sehingga 1987. Kebolehan dari segi kepimpinan pengurus dalam sebuah pertubuhan tersebut merupakan salah satu aspek penting dalam pembentukan masyarakat yang bersatu padu di Kedah. Oleh yang demikian, sebuah pertubuhan persilatan yang dikenali oleh masyarakat dan negara

¹ Borang 3, Akta Pertubuhan, 1968, Perakuan Pendaftaran Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Gurun, Kedah dengan menggunakan no. pendaftaran 1756.





luar seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Malaysia ini juga merupakan wadah bagi menguatkan perpaduan antara kaum, mengelakkan konflik dan memangkin rakyat tempatan khususnya di negeri Kedah bergerak mencapai satu matlamat iaitu persepakatan masyarakat.

Allahyarham Tuan Hj Yusof bin Salleh dan Encik Abd Majid bin Md Isa (PJK) merupakan pengasas utama Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Pengurus pertubuhan tersebut adalah Tuan Hj Yusof bin Salleh dan Encik Abd Majid bin Mat Isa adalah pengarah guru-guru dan jurulatih-jurulatih pertubuhan ini. Pertubuhan ini adalah pecahan daripada Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSGM) dan mata pelajarannya adalah daripada PSSGM. Encik Abdul Majid dan Tuan Yusof merupakan pengasas telah mempelajari Silat Gayong daripada Daing Uda Hashim dan anak-anaknya Meor Abd Aziz bin Daing Uda Hashim dan Dato' Meor Abd Rahman bin Daing Uda Hashim bermula pada tahun 1956 di Kedah Darulaman.² Kedudukan tanah negeri Kedah terletak di daratan iaitu bersempadan dengan negeri Perlis.³ Di sebelah Timur, negeri Kedah bersempadan dengan Chenak hingga ke Yala dalam pemerintahan kerajaan Siam. Manakala di sebelah selatan, Kedah bersempadan dengan negeri Perak. Jarak dari utara ke selatan negeri tersebut ialah 101 batu dan dari timur ke barat 64 batu.⁴

² Daing Uda Hashim merupakan seorang mahaguru yang mempunyai ilmu persilatan yang tinggi. Temubual bersama Dato' Dr. Abdul Majid bin Mat Isa di Gelanggang Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong, Gurun Kedah pada 4/10/2018 (3.30 Petang).

³ Haji Ibrahim Ismail (1987), *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Universiti Utara Malaysia. Cetakan pertama. Hlm 1.

⁴ Haji Ibrahim Ismail (1987), *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Universiti Utara Malaysia. Cetakan pertama. Hlm 1.





Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK) sememangnya memaparkan warisan kepahlawanan Melayu yang mempunyai perkaitan dengan unsur-unsur agama, bahasa, adat resam, kesenian.⁵ Selain itu juga, sejarah organisasi pertubuhan silat yang wujud adalah diwarisi dari satu keturunan kepada keturunan yang seterusnya secara penyerahan kuasa kepada orang yang dikehendakinya melalui latihan praktis khususnya orang Melayu.⁶ Penubuhan PSSPGK bertujuan sebagai galakan untuk masyarakat Melayu bergiat cerdas dan sebagai pemancu kepada penyatuan perkauman di negeri Kedah. Hal ini demikian kerana ilmu persilatan merupakan salah satu ilmu bela diri yang dikatogorikan dalam aktiviti sukan dan dipertandingan di Malaysia dan negara-negara seperti Indonesia, Brunei, Vietnam dan Thailand.

Selain pertubuhan pertarungan dan kebudayaan rakyat, Pertubuhan Seni Silat

Pusaka Gayong Kedah kemudian menjadi suatu pusat latihan berbentuk pendidikan kerohaniah.⁷ Dalam institusi persilatan, adat dalam persilatan tidak terlepas daripada tututan ilmu seorang guru dalam pertubuhan tersebut. Namun, institusi persilatan mula berubah apabila wujudnya pengaruh budaya Barat ke atas institusi ini sejak abad ke 20. Hal ini demikian kerana, silat dianggap sebagai alat hiburan bukan lagi alat untuk membela diri.⁸ Masyarakat biasanya menganggap guru silat adalah mempunyai kuasa dan mereka dihormati, serta dipuji oleh masyarakat khusus di Kedah. Hal ini demikian kerana, guru silat dikatakan mempunyai tinggi ilmu pengetahuan tentang keagamaan.⁹

⁵ Howard Alexander, Quintin Chambers, Donn F. Draeger. (1970), *PENTJAK - SILAT The Indonesian Fighting Art* Published by Kodansha International LTD, Tokyo, Japan & Palo Alto, Calif. U.S.A. Hlm. 7.

⁶ Tuan Ismail Tuan Soh. (1991), *Seni Silat Melayu dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebum*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 47.

⁷ Temubual bersama Dato' Dr. Abdul Majid bin Mat Isa di Gelanggang Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Gurun Kedah pada 4/10/2018 (3.30 Petang).

⁸ Tuan Ismail Tuan Soh. (1991), *Seni Silat Melayu dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebum*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 3.

⁹ *Ibid.* Hlm 56.





Selain itu, terdapat 269 jenis silat di Malaysia dan didokong oleh 465 pertubuhan silat.

¹⁰ Seterusnya, jumlah pertubuhan yang wujud adalah didokong oleh kertas Persidangan Agong Penubuhan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) yang berlangsung pada 24 September 1983. Catatan juga menunjukkan bahawa Kedah berada pada kedudukan ketiga tertinggi yang mempunyai bilangan 33 jenis silat termasuk Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah.¹¹

1.1 Penyataan Masalah

Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong (PSSPGK) diperkenalkan di Kedah bermula tahun 1956. Di bawah pentadbiran kolonial, kegiatan pertubuhan silat di Kedah dikawal

selia secara perundangan pentadbiran kolonial British.¹² Pertubuhan (PSSPGK) ini adalah hasil daripada perpecahan persatuan induk di Kuala Lumpur iaitu PSSGM dengan menggunakan nombor pendaftaran 1756.¹³ Perkembangan PSSPGK menunjukkan bahawa mereka banyak melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang memberi khidmat sosial dalam menekankan keagamaan umpama membantu masyarakat setempat seperti memberi ceramah di madrasah dan menderma.¹⁴ Kemasukan PSSPGK juga berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran sepenuhnya kepada masyarakat tentang seni mempertahankan diri dari serangan musuh

¹⁰ Tuan Ismail Tuan Soh. (1991), *Seni Silat Melayu dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebum*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka Hlm. 41.

¹¹ *Ibid.* Hlm. 42.

¹² Berita Minggu. (Oktober 1973), *Imbas Kembali Zaman Kegemilangan Pendekar Gayong*. Hlm 30.

¹³ Borang 3, Akta Pertubuhan, 1968, Perakuan Pendaftaran Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Gurun, Kedah dengan menggunakan no. pendaftaran 1756.

¹⁴ Saad Taib, Berita Harian. 1 September 1969, *Dana Dharurat: Badan-Badan Seni*. Hlm. 7.





dan tentang keselamatan masyarakat daripada jenayah seperti melaksanakan kempen cegah jenayah dan anti komunis serta mengedor risalah kepada penduduk tempatan.

PSSPGK juga turut menyentuh tahap kedudukan ekonomi masyarakat Melayu sebelum ini yang berada dibawah paras kemiskinan dan berada dibawah tahap sedarhana khusus di Kedah, sebelum dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Hal ini dapat dilihat apabila penubuhan PSSPGK juga bukan saja tertumpu kepada seni mempertahankan diri, namun bergiat aktif dalam aktiviti yang melibatkan pembangunan ekonomi ahlinya seperti menubuhkan koperasi dengan menjual barang dan peralatan replika senjata. Kewujudan koperasi penjualan barang dan peralatan seni silat tersebut telah memberi kesan positif kepada masyarakat setempat apabila sesetengah daripada hasil pendapatan koperasi digunakan untuk menguruskan hal kemasyarakatan seperti membantu mangsa banjir.¹⁵ PSSPGK juga memberi keutamaan kepada ahli persatuan terutama kebajikan pendidikan insaniah kepada ahli dengan memperkenalkan asas dan prinsip anggota persatuan dalam membentuk keperibadian anggota tentang penjagaan kesihatan serta peraturan dan undang-undang agama dalam kehidupan.

1.2 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa objektif telah dikenalpasti dan dijadikan panduan kepada pengkaji agar terus fokus dan berada pada landasan yang

¹⁵ Berita Harian, 18 February 1967, *Gerakan Amal Chara Besar2an Di-Kedah*. Hlm. 7.





betul seiring dengan matlamat utama kajian. Objektif utama pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk:

- i) Mengkaji latar belakang Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah.
- ii) Mengkaji peraturan dan perundangan dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah.
- iii) Mengkaji penglibatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dalam memberi khidmat sosial kepada masyarakat.
- iv) Menganalisis kesan penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah kepada bangsa, agama dan negara.



Terdapat beberapa soalan kajian yang dikenalpasti didalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Antaranya ialah seperti berikut:

- i) Bagaimanakah latar belakang penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah?
- ii) Apakah peraturan dan perundangan dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah?
- iii) Bagaimanakan penglibatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dalam memberi khidmat sosial kepada masyarakat?
- iv) Apakah kesan penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah kepada bangsa, agama dan negara?





1.4 Metodologi kajian

Kajian ini telah dilaksanakan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah kualitatif.

Kaedah kualitatif merujuk kepada proses penyelidikan yang melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat melalui kaedah temu bual, pemerhatian, interpretasi dokumen dalam melakukan penganalisaan. Pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder sepanjang melaksanakan kajian ini. Sumber-sumber primer seperti dokumen, laporan tahunan, peta dan gambar yang akan diperolehi dari Arkib negeri Kedah seperti fail 109B/1 bertajuk Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong cawangan Yan Kedah dan fail 109B/4 berkaitan Pertubuhan Silat Pusaka Gayong di cawangan Kampung Simpang Tiga Pasir serta Arkib Negara Malaysia seperti fail 10148/1 kementerian kebudayaan, belia dan sukan mengenai kesatuan belajar Silat Gayong. Segala dokumen dan data yang didapati telah dianalisis dengan teliti dan diinterpretasikan oleh pengkaji bagi membantu dalam penulisan kajian mengenai Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah 1956-1987.

Selain itu, terdapat juga sumber-sumber sekunder yang telah diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), perpustakaan awam Kedah dan Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya (UM) bagi mendapatkan buku-buku, majalah seni beladiri atau kajian lepas mengenai Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah 1956-1987. Perpustakaan membekalkan sumber sekunder dan membantu pengkaji untuk menginterpretasikan sumber dengan lebih mudah dan tepat. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk membantu penulisan kajian sejarah yang





disokong oleh sumber yang sahih supaya tidak terpesong daripada objektif yang ditetapkan.

Penyelidik juga telah menggunakan kaedah penulisan berbentuk naratif dan deskriptif untuk menjadikan penulisan yang baik. Menerusi kaedah ini, setiap penulisan dilakukan adalah secara tersusun berlandaskan kepada objektif yang ditetapkan dan tajuk iaitu Perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK), 1956-1987. Penerangan yang dilakukan menggunakan kaedah naratif dan deskriptif adalah lebih terperinci. Kaedah ini juga lebih memudahkan pengkaji memahami satu isu yang akan di rungkaikan selain memudahkan pembaca untuk lebih memahami perkara yang akan disampaikan pengkaji.¹⁶ Selain itu, penggunaan kaedah naratif dan deskriptif juga adalah untuk menghuraikan maklumat dengan menggunakan pendekatan tematik. Hal ini dapat dilihat apabila huraiyan yang dibuat adalah mengikut tema yang sesuai berlandaskan kepada isu-isu penting berpandukan kepada objektif utama kajian. Walau bagaimanapun, kaedah penulisan berbentuk analisis juga turut dilakukan oleh penyelidik agar beberapa persoalan terjawab dan memberi fokus kepada PSSPGK. Malahan, pengkaji telah mentafsir setiap laporan yang diperolehi secara hermeunitik untuk memudahkan pengkaji.

Pengkaji juga menggunakan kaedah mentafsir sumber laporan. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini dalam mendapatkan data yang terkandung dalam laporan tahunan sesebuah pertubuhan.¹⁷ Rekod laporan tahunan yang diperolehi merangkumi

¹⁶ Bilcher Bala, (2000), *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 112.

¹⁷ Lisa Yip Shukye Phd. (2013). *Pengantar Sejarah*. Freemind Horizons Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. Hlm. 38.





perbelanjaan pertubuhan, bilangan ahli persatuan, yuran tahunan, pendapatan pertubuhan dan minit mesyuarat Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. Pengkaji mendapati bahawa laporan yang diperoleh adalah bahan yang belum lagi ditafsir. Oleh itu, pengkaji akan mentafsir laporan tersebut dengan merungkaikan persoalan seperti kandungan laporan tersebut seperti di arkib negeri Kedah seperti fail yang bernombor 109B/4 Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong di Kampung Simpang Tiga Pasir.

Akhir sekali pengkaji menggunakan kaedah secara lisan. Sumber lisan merupakan sesuatu perkara yang diucapkan oleh seseorang. Sumber tersebut merangkumi dua zaman iaitu zaman moden dan zaman lampau dan terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sekunder. Untuk mendapatkan sumber lisan, terdapat beberapa tahap iaitu persediaan, teknik mengumpul iaitu temuramah dan proses rakaman. Pengkaji akan menggunakan kaedah ini berdasarkan kepada keterangan pelaku iaitu Abdul Majid bin Mat Isa iaitu pengasas utama kepada Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif yang ditetapkan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian khusus mengenai Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK). Kajian yang dijalankan adalah satu perintis kepada perkembangan kegiatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Hal ini demikian kerana, pertubuhan ini dikatakan telah berkembang sehingga mempunyai cawangan yang meluas di Malaysia termasuk di luar negara antaranya Singapura yang menjadi salah



satu kebanggaan negara. Pengkajian ini juga adalah untuk menunjukkan peranan, isu, penglibatan masyarakat dan kejayaan yang dilakukan oleh Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dari tahun 1956 hingga 1987. Oleh itu, kajian ini adalah penting kerana melalui kajian ini, kita akan dapat melihat penglibatan ahli PSSPGK memberi manfaat kepada masyarakat dalam tempoh 31 tahun dari tahun 1956-1987.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengetahui cara PSSPGK menjadi pemancu kepada kebangkitan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, PSSPGK turut terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan dan penentangan komunis di Kedah. Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong ini akan dilihat dari segi penglibatan ahli dan kejayaan yang diperolehi oleh ahli itu sendiri. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat sebenar berkenaan

dengan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong selepas kemerdekaan. Walaubagaimanapun, Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong telah memberi sumbangan yang besar kepada penduduk di Kedah.

Kajian ini juga adalah sebagai perintis kepada pengkaji dan memberi panduan kepada penyelidik pada masa akan mendatang khusus untuk menyediakan satu dokumentasi yang bersifat kesejarahan sosial yang berkaitan dengan keselamatan atau seni silat. Sebagai contoh, buku yang ditulis oleh Tuan Ismail Tuan Soh yang bertajuk “Seni Silat Melayu dengan tumpuan kepada Seni Silat Sekebun”. Seterusnya, dengan adanya penyelidikan berkaitan silat akan memperkenalkan budaya yang berharga kepada generasi muda. Seterusnya, penulisan yang dilakukan ini akan menjadikan universiti menjadi salah satu pusat penyelidikan apabila dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain apabila mereka akan mendapatkan contoh kajian lepas.



1.6 Skop Kajian

Skop ruang kawasan kajian adalah berfokus kepada beberapa negeri di Malaysia seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan beberapa peringkat antarabangsa seperti Brunei, Singapura, dan Amerika Syarikat. Namun, kajian ini lebih menekankan kepada induk persatuan iaitu negeri Kedah.

Skop masa pengkaji dalam menjalankan kajian tentang Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK) adalah dari tahun 1956 Sehingga 1987. Skop kajian dalam penulisan ini meliputi waktu selama 31 tahun iaitu dari tahun 1956 sehingga 1987. Skop tahun ini diambil kerana kajian bermula dari tarikh penglibatan pengasas dalam pertubuhan PSSPGK dan berakhir pada tahun 1987 kerana Malaysia menjadi tuan rumah yang pertama kali kepada kejadian ke-4 Silat Sedunia dan membekalkan ahli sukan silat olahraga. Perbincangan ini juga melibatkan kepada penduduk dan ahli persatuan yang pernah terlibat dalam pembentukan institusi silat sekitar tahun 1956 sehingga 1987. Selain itu juga, penulis juga mengkaji tentang kejayaan yang dicapai dan penglibatan dalam kalangan masyarakat di Kedah dari tahun 1956 sehingga 1987. Namun begitu, dalam perkembangan yang dicapai menerusi pertubuhan ini, sudah pasti mempunyai masalah yang dihadapi oleh pengasas atau pesilat dan itu juga dikaji oleh pengkaji berdasarkan skop tahun yang telah dinyatakan. Di samping itu juga, pengkaji juga melihat kepada kepentingan PSSPGK kepada masyarakat dari tahun 1956 sehingga 1987.





1.7 Sorotan Kajian Lepas

Beberapa rujukan dan analisis telah dilakukan berkenaan kajian-kajian terdahulu yang dilakukan oleh para sarjana berkenaan pertubuhan persilatan sebelum pengkaji membina ketetapan untuk memilih tajuk penyelidikan ini. Kajian mengenai sejarah sesebuah pertubuhan silat telah banyak dijalankan oleh para sarjana. Antaranya ialah daripada penulisan yang dibuat oleh Douglas Stephen Farrer (2006) yang bertajuk “Pertubuhan Seni Silat Haqq: A study in Malay mysticism”. Dalam penulisannya, beliau ada memfokuskan secara kritikal tentang teknik silat dalam Persatuan Seni Silat Haqq dan Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia.¹⁸ Beliau telah merungkai setiap gerakan yang digunakan oleh pertubuhan silat yang dikatakan mempunyai maksud berbeza. Pergerakan yang dinyatakan dalam penulisannya adalah berdasarkan kepada gerakan asas yang wajib dipelajari oleh pesilat. Menerusi penulisannya juga dapat digambarkan bahawa teknik dan gerakan adalah diperolehi daripada persekitaran.

Hal ini dapat dilihat menerusi penulisannya, apabila beliau membincangkan tentang hubungan pesilat dengan alam yang dikatakan jurus tersebut lahir dari alam. Beliau turut mengatakan bahawa, jurus atau teknik yang dipakai oleh pertubuhan tersebut digubal bersesuaian dengan nama pertubuhan dan akhirnya membolehkan ahli pertubuhan menggunakan teknik tersebut sebagai asas dalam pengenalan perguruan. Namun, penulisan beliau tidak menyentuh secara khusus tentang penglibatan ahli dalam pertubuhan tersebut. Penulisan yang dibuat oleh beliau adalah berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji akan menceritakan penglibatan ahli dalam pertubuhan yang

¹⁸ Douglas Stephen Farrer, (2006), *Pertubuhan Seni Silat Haqq: A study in Malay mysticism*. A Thesis P.H.D Department University of Singapore.





dikaji mengikut tahun yang terpilih. Menerusi pecahan penglibatan ahli pertubuhan yang difokuskan, akan memberikan gambaran lebih jelas bilangan dan perkembangan pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. Hal ini demikian dapat dilihat apabila penglibatan ahli dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah yang dikatakan semakin meningkat dari tahun ke tahun seterusnya. Hal ini demikian kerana, seni silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri baik untuk kesihatan baik rohani dan fizikal kerana senaman yang melibatkan banyak pergerakan badan dan mendapat perhatian daripada golongan masyarakat tentang ilmu bela diri. Seni silat yang diajar juga bukan sahaja dapat meningkatkan kecerdasan ahli malah membantu dalam membuang sisa toksik dalam badan melalui peluh. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Douglas Stephen Farrer adalah berdasarkan kepada kaedah pemerhatian, berbeza dengan pengkaji yang menggunakan sumber primer sebagai sokongan kepada penulisan.



Terdapat juga sebuah thesis yang ditulis oleh Douglass pada tahun 2005 yang bertajuk *Deathscapes Of Malay Martial Artist*. Thesis yang ditulis oleh beliau adalah membincangkan unsur-unsur spiritual dalam persilatan, menyentuh mengenai kehidupan dan kematian dan dikaitkan dengan peralatan dan adat-adat dalam silat serta peralatan yang digunakan juga memainkan peranan dalam aspek mistik silat.¹⁹ Menerusi penulisannya juga, perbincangan yang dilakukan adalah memberikan fokus kepada budaya dan kepercayaan dalam seni silat. Namun, penulisan yang dilakukan adalah berbeza kerana pengkaji tidak memberi fokus kepada aspek kebudayaan dan kepercayaan malah, penulisan adalah berfokuskan kepada undang-undang dan

¹⁹ Douglass, (2005). *Deathscapes Of Malay Martial Artist*, Singapura: National University Of Singapore.



peraturan dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Peraturan dan undang-undang merupakan salah satu faktor yang penting dalam kehidupan terutama kepada organisasi sehingga mencapai kejayaan dan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong mampu berkembang sehingga kini. Hal ini demikian kerana, hampir setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang ahli melibatkan pengaruh undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan jelas digubal untuk memelihara kemananan dalam kehidupan.

Manakala, Paul H Mason telah menulis sebuah Tesis yang bertajuk *Pencak Silat: The International Mobilisation of Indonesian Tradition*. Penulisan yang ditulis ini adalah menyentuh aspek yang berkaitan dengan perubahan tradisi pencak silat setelah ianya diselaraskan sepertimana yang berlaku seni mempertahankan diri yang lain seperti Taekwando dan perubahan ini adalah mengenai hilangnya unsur-unsur tradisi dalam persatuan seni silat itu sendiri.²⁰ Perubahan tradisi silat yang digambarkan dalam penulisannya adalah berdasarkan kepada perkembangan teknologi dan arus semasa. Hal ini dapat dilihat apabila dalam penulisannya juga menyentuh bahawa organisasi pertubuhan silat menjadi tunjang utama dalam perubahan dan perkembangan aliran silat yang dibawa. Penulisannya berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji lebih memberi fokus kepada penglibatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong dalam sukan olahraga yang menjadi kepada perubahan baru dalam perkembangan silat. Sukan olahraga yang diintroduksikan oleh PESAKA menjadi salah satu punca kepada perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong dikenali dan semakin mendapat nama. Hal ini demikian kerana, penglibatan ahli dalam seni silat olahraga semakin bertambah sehingga melahirkan jurulatih dan atlet dalam peringkat daerah, negeri

²⁰ Haron Daud, (2001). *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



mahupun kebangsaan. Perkembangannya dapat dilihat apabila pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong semakin berkembang sehingga mewujudkan beberapa cawangan di negeri lain seperti Terengganu, Kelantan dan Selangor.

Seterusnya adalah penulisan yang dibuat oleh Satoru Tsunashima yang bertajuk “Ilmu perubahan peranan dan fungsi institusi persilatan Melayu di Semenanjung Malaysia”. Beliau membuat kajian berkaitan dengan Pertubuhan Silat Pulut di Kedah, Seni Silat Terlak Empat di negeri Kelantan dan Seni Silat Sendeng di negeri Johor.²¹ Dalam penulisan tesisnya menyentuh tentang perbezaan aliran perguruan dan sistem penginstitusian berteraskan keahlian seperguruan. Selain itu juga, menurut penulis mengatakan bahawa pertubuhan silat di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu adalah berkembang mengikut perubahan sosial. Walaupun skop tempat kajian yang dibuat adalah meluas namun, ianya hanya memberi tumpuan kepada perbezaan aliran perguruan. Tuntasnya, melalui penilaian pengkaji terhadap penulisan tersebut, beliau berjaya menghubungkaitkan pertubuhan silat dengan budaya menerusi peredaran masa. Namun, penulisan yang dibuat berbeza dengan kajian pengkaji kerana, pengkaji menfokuskan kepada satu pertubuhan dan melihat carta organisasi khusus dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Hal ini demikian kerana, pengkaji melihat penglibatan ahli dalam penubuhan biro agen dan peraturan untuk ahli pertubuhan.

Selain itu, adalah kajian yang dibuat oleh Rohana Bt Haji Ismail iaitu penulisannya memfokuskan kepada Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSGM).

²¹ Satoru Tsunashima, (2004). *Perubahan Peranan Dan Fungsi Institusi Persilatan Melayu Di Semenanjung Malaysia*, Universiti Sains Malaysia, Masters Thesis. Hlm. 19.



Dalam penulisan beliau membincangkan tentang penglibatan pertubuhan tersebut dalam seni silat olahraga.²² Menerusi penulisan yang dilakukan oleh Rohana Haji Ismail, sesebuah pertubuhan silat dikatakan lebih berkembang sekiranya sesebuah pertubuhan silat terlibat aktif dalam sukan negara khusus berkaitan dengan silat olahraga. Hal ini demikian kerana, sekiranya sesebuah persatuan itu aktif mengikut perkembangan semasa khusus dalam bidang sukan maka mereka lebih terdorong untuk melangkah lebih jauh kerana wujudnya sukan silat dari pelbagai aliran di dunia.

Penglibatan ahli persatuan dalam silat olahraga memberikan gambaran sebenar untuk berhadapan dengan musuh. Penulisannya juga adalah memberikan fokus kepada gerakan asas yang digunakan oleh pertubuhan silat. Dalam penulisan beliau, dapat disimpulkan bahawa kajiannya hanya memberikan fokus kepada aspek sesebuah pertubuhan dengan sukan silat olahraga. Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji berbeza kerana, pengkaji melihat bagaimana penglibatan ahli pertubuhan silat dalam sukan silat olahraga sehingga mampu melahirkan atlet silat tempatan. Hal ini jelas dapat dilihat pengkaji memberi fokus kepada penglibatan latihan khusus dalam gelanggang berkaitan dengan peraturan yang ditetapkan kepada setiap ahli.

Seterusnya, penulisan yang dibuat oleh Tuan Ismail Tuan Soh (1991), yang memberi tumpuan kepada Persatuan Seni Silat Sekebun. Menerusi kajian yang dibuat oleh beliau, dapat dilihat bahawa penulisannya memberi penekanan terhadap ketokohan dalam

²² Rohana Bt. Haji Ismail, (1989), *Penggunaan Ilmu Batin Dalam Seni Silat Olahraga*. Unit Pendidikan Jasmani Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia. Thesis. Hlm 40.

persatuan tersebut.²³ Beliau telah merungkai tokoh yang memperkenalkan Persatuan Seni Silat Sekebun di dalam penulisannya, namun penceritaan tokoh dalam persatuan tersebut tidak memberi gambaran yang jelas dalam memperkembangkan persatuan sehingga dikatakan tiada sebuah gelanggang persatuan yang bergiat atau dibuka secara rasmi.²⁴ Dalam penulisan tersebut dapat dirumuskan bahawa ulasan ketokohan tidak dapat dibuktikan secara jelas dalam penglibatan persatuan tersebut. Selain itu, menerusi penulisan beliau turut menekankan tentang aspek pengajaran dan pembelajaran dalam persatuan yang memberi penekanan kepada upacara perlimau gelanggang sahaja. Kajian yang dilaksanakan oleh Tuan Ismail ini adalah berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji memberi fokus secara mendalam berkaitan dengan pengasas utama dalam Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong serta pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, penulisan tersebut telah membantu pengkaji dalam memperlihatkan perkembangan persatuan seni silat dalam kalangan masyarakat Melayu.

Selain itu, Sheikh Shamsudin pada tahun 2005 telah menghasilkan sebuah penulisan yang bertajuk *The Malay Art Of Self Defense: Silat Seni Gayong* penulisan ini menyentuh mengenai Seni Silat Gayong dari aspek sejarah silat dan Silat Gayong, adat istiadat serta aspek-aspek lain seperti ilmu kebatinan. Penulisan yang dibuat adalah berdasarkan kepada perkembangan pertubuhan semasa dan intitusi yang tertumpu. Penulisan ini juga memaparkan buah-buah dalam Silat Gayong serta cara mempraktikkan buah tersebut semasa dalam situasi sebenar berdepan dengan musuh.²⁵

²³ Tuan Ismail Tuan Soh, (1991), *Seni Silat Melayu dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

²⁴ *Ibid.* Hlm. 56.

²⁵ Sheikh Shamsudin, (2005), *The Malay Art Of Self Defense: Silat Seni Gayong*. California: North Atlantic Book. Hlm 13.

Penulisannya berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji lebih menekankan kepada organisasi pertubuhan termasuk pendapatan dan cawangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Seterusnya, pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan akan dianalisis secara lebih mendalam untuk tujuan melihat aliran wang keluar masuk bagi tahun terpilih.

Di samping itu, penulisan yang dilakukan oleh Wan Abdul Halim bin Wan Omar yang bertajuk Pertubuhan Silat Seni Gayong, Malaysia, sejarah kemunculan dan pengaruhnya: Satu kajian di daerah Machang Kelantan. Dalam penulisannya, skop kajian adalah lebih kecil namun gambaran yang dilontarkan kepada pembaca telah berjaya mempelihatkan kronologi perkembangan Seni Silat Gayong bermula di peringkat nasional sehingga kemasukan ke daerah Machang, Kelantan. Menerusi kajian tersebut, beliau telah menekankan adat istiadat Persatuan Seni Silat Gayong kepada umum serta aspek berkaitan dengan permainan dalam pertubuhan tersebut.²⁶ Menurut beliau, adat istiadat merupakan perkara yang penting dan ianya didokong oleh setiap pertubuhan silat yang ada di Malaysia. Selain itu, adat istiadat dalam persatuan silat memberi gambaran kepada masyarakat tentang organisasi tersebut seperti adat istiadat pemakaian. Namun, penulisan yang dilakukan ini lebih kepada kebudayaan apabila penulisan beliau menyentuh tentang adat-adat dalam pertubuhan silat. Penulisan ini berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji memberi fokus kepada satu pertubuhan silat dan melihat pertubuhan tersebut dari segi sejarah perkembangannya yang mengatakan bahawa pertubuhan ini menjadi pamacu kepada penyatuan masyarakat Melayu. Hal ini demikian, pengkaji melihat penglibatan pertubuhan dalam gerakan badan-badan bukan

²⁶ Wan Abdul Halim Bin Wan Omar. (2004). *Sejarah Kemunculan dan pengaruhnya: Satu kajian kes di Daerah Machang*. Lembah Pantai: Universiti Malaya. Akademik Pengajian Islam. Fakulti Usuluddin.



kerajaan bersama masyarakat. Penglibatan masyarakat dengan ahli pertubuhan bersama badan-badan bukan kerajaan dapat dilihat memberi kesan yang positif dari segi emosi dan fizikal seseorang.

Terakhir, dalam penulisan yang dilakukan oleh Nor Aimi Bt Mohd Tahir yang bertajuk Silat Pertahankan Diri Menurut Perspektif Islam yang memberi fokus kepada Persatuan Seni Silat Cekak, Malaysia. Dalam penulisannya cuba mengupas tentang pembelajaran dan pengajaran dalam persatuan tersebut yang mengaplikasikan beberapa praktikal ibadat dalam agama islam untuk mempertahankan diri. Penulisan yang dilaksanakan itu merungkai tentang pergerakan dalam Pertubuhan Seni Silat Cekak yang menjadi asas kepada pengenalan pertubuhan.²⁷ Namun penulisan pembelajaran dan pengajaran dalam pertubuhan tersebut adalah tidak menyeluruh kerana ianya memberikan fokus kepada beberapa pergerakan yang dipilih oleh penulis. Manakala dalam penulisan yang dilakukan oleh pengkaji pula akan memberi penjelasan mendalam tentang asas pembelajaran dan pengajaran pertubuhan silat yang terpilih sehingga ianya menjadi satu lambang pengenalan pertubuhan kepada masyarakat.

Kebanyakannya, penulisan terhadap pertubuhan seni silat di Malaysia lebih tertumpu kepada kebudayaan Melayu. Namun, penulisan pengkaji berbeza dengan penulis lain kerana pengkaji menyentuh dari sudut sejarah penubuhan persatuan silat yang dikatakan menjadi satu alat kepada masyarakat dalam menjaga keamanan agama dan negara. Malahan kebanyakan penulisan yang dibuat adalah berdasarkan kepada

²⁷ Nor Aimi Bt Mohd Tahir (1995). *Silat Pertahankan Diri Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Tentang Seni Silat Cekak Malaysia*. Lembah Pantai: Universiti Malaya. Akademi Pengajian Islam, Fakulti Usuluddin.





pemerhatian yang membezakan dengan pengkaji kerana pengkaji lebih memberi fokus kepada sumber primer seperti fail rasmi pertubuhan yang ditetapkan.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat istilah yang digunakan seperti silat yang digunakan oleh pengkaji. Istilah yang dipakai membawa erti yang tersendiri bagi menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

1.8.1 Silat

Perkataan ‘Silat’ bermaksud seni bela diri yang membawa maksud ilmu pergerakan mempertahankan diri yang melibatkan permainan senjata atau tangan kosong.²⁸ Silat memiliki maksud yang sama dengan Wushu yang bermaksud ilmu berlawan. Perkataan silat sememangnya sama erti dengan seni bela diri dari Nusantara yang meliputi Malaysia, Indonesia, Thailand, Borneo dan keseluruhan negara-negara Asia Tenggara. Namun istilah yang disebutkan adalah berbeza seperti di Indonesia dipanggil Pencak Silat. Terdapat teori mengatakan perkataan Silat berasal daripada si-ilat (orang yang pandai muslihat). Menurut Kamus Dewan, tipu muslihat disebut sebagai elak, mengikut loghat utara Tanah Melayu disebut elat.²⁹ Seni silat adalah sejenis ilmu bela diri yang diakui umum sebagai hak asli kepunyaan bangsa Melayu. Selain itu, silat merupakan

²⁸ Temubual bersama Mohd Said bin Hj. Baharum. (13 Jun 2017), Ketua guru utama Seni Silat Serimau Hitam Perak (PSSHP). Perak.

²⁹ Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Hlm.1697.





seni permainan atau kepandaian berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri.³⁰ Silat Melayu sememangnya bercirikan keindahan, lemah-lembut dan kesopanan dalam segala gerak lakunya.³¹

Selain itu, menurut Kamus Melayu silat merupakan sebagai satu seni untuk menyerang dan bertahan yang dilakukan secara bijak.³² Kata dasar silat juga dikatakan berasal daripada perkataan "silap".³³ Hal ini dapat dilihat, perkataan silap disini merujuk kepada perbuatan pengamal silat menggunakan kekuatan pihak lawan untuk menjatuhkan mereka secara dasarnya ia merujuk kepada kelemahan serangan membuta tuli yang dilakukan pihak lawan, kelemahan dan kesilapan ini dipanggil sebagai silap langkah atau langkah sumbang. Di samping itu, seni silat juga boleh dikaitkan dengan perkataan tersebut.



Malahan, akar umbi perkataan silat juga boleh dirujuk kepada perkataan "sekilat".³⁴ Perkataan tersebut yang membawa maksud "sepantas kilat" dan ianya merujuk kepada kepada sifat-sifat seperti kilat yang dimiliki oleh pesilat iaitu fleksibiliti, refleks, kelancaran gerakan dan sifat dominan yang ada pada pengamal silat, pesilat yang mempunyai sifat-sifat ini diberi gelaran sekilat. Selain itu juga, silat juga mempunyai perkaitan dengan bahasa Arab, jika perkataan silat dieja dengan huruf *Seen* Arab ia akan membawa makna persaudaraan. Manakala, jika dieja dengan huruf *Saad*

³⁰ *Ibid.* Hlm.1493.

³¹ Tuan Ismail Tuan Soh. (1991), *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebum*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 5.

³² Sheikh Shamsudin, (2005), *The Malay Art Of Self Defense: Silat Seni Gayong*, California: North Atlantic Book, Hlm. 1.

³³ D.S Farrer (2009), *Shadow Of The Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism*, Dalam Gabriele Mararanci, Bryan S.Turner Muslim in Global Societies Series Volume 2, England ,Springer: Hlm. 29.

³⁴ D.S Farrer op.cit Hlm. 29.





ia akan membawa maksud senjata iaitu dua karakteristik yang terkandung dalam Seni Silat.

Selain itu, di Malaysia dan Indonesia, silat merujuk kepada teknik membela diri dalam pergaduhan atau pertarungan. Hal ini demikian kerana, orang yang pandai bersilat ialah orang yang pandai membela dirinya dalam pergaduhan dengan menggunakan teknik tertentu untuk menghindar dari bahaya.³⁵ Menurut Don. F. Draeger, silat memberi maksud latihan persendirian yang bebas dari segi gerakan jasmani atau pertarungan yang sebenar dengan seseorang musuh. Manakala Ku Ahmad bin Ku Mustaffa dan Wong Kiew Kit mengatakan bahawa silat ialah satu siri gerakan jasmani untuk menyerang dan mengelak yang bersifatkan lemah lembut gerak gerinya.³⁶ Selain gerakan tersebut, seseorang itu melakukan penyerangan terhadap musuhnya selain mengutamakan keselamatan dirinya sendiri.



Terakhir, perkataan silat juga dapat dikaitkan dengan perkataan Solat dan ianya merujuk kepada doa atau kelakuan yang melibatkan fokus.³⁷ Hal ini dapat dilihat perkataan tersebut merujuk kepada aspek teologikal dalam silat iaitu penyerahan kepada empunya gerak iaitu Tuhan. Selain itu, terdapat juga pandangan yang mengatakan asal perkataan atau definisi silat ini dipengaruhi oleh budaya Cina iaitu Bahasa Cina perkataan Pencak Silat dikatakan berasal daripada perkataan Cina iaitu *Pen-Cha* yang membawa maksud elak dan *Sau-La* yang membawa maksud tolak

³⁵ O'ong Maryan (1999), *Pencak Silat Merentang Waktu*, Galang Press Yogyakarta. Hlm.10.

³⁶ Ku Ahmad Bin Ku Mustaffa dan Wong Kiew Kit. (1978), *Silat Melayu: The Malay Art of Attack and Defence* (Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 1.

³⁷ Sheikh Shamsudin,2005), *The Malay Art Of Self Defense: Silat Seni Gayong*, California: North Atlantic Book, Hlm .2.





dengan tangan atau pergerakan tangan.³⁸ Seterusnya, silat juga berkait rapat dengan istilah "salasilah".³⁹ Istilah ini memberi maksud kepada sebuah rantaian yang menunjukkan penurunan ilmu pengetahuan daripada seorang guru kepada seorang murid.

Dari maksud istilah yang diambil daripada beberapa sumber, dapat dirumuskan bahawa Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah adalah satu organisasi silat yang telah ditubuhkan secara warisan oleh sebilangan individu membentuk satu kumpulan yang menjadi salah satu pusat yang memberi khidmat kepada masyarakat setempat. Persatuan tersebut juga mempunyai matlamat tersendiri yang menjadi tunjang utama penubuhan tersebut.



1.9 Pembahagian Bab

Bab Pertama - Pengenalan Kajian

Dalam bab satu, penulis menjelaskan tentang latar belakang sejarah ringkas Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong, Kedah (PSSPGK) dari tahun 1956 sehingga 1987 yang terletak di negeri Kedah. Perkara yang diberi tumpuan dalam bab pertama ini ialah berkenaan dengan cadangan-cadangan bagi menjalankan kajian ini. Dalam bab pertama ini juga dinyatakan berkenaan dengan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, metodologi kajian, skop kajian, kepentingan kajian, sorotan

³⁸ Ibid

³⁹ D.S Farrer (2009) , *Shadow Of The Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism*, Dalam Gabriele Mararanci, Bryan S.Turner Muslim in Global Societies Series Volume 2, England ,Springer: Hlm. 29.





kajian lepas, pembahagian bab dan kesimpulan. Dalam bab pertama ini pengkaji menggunakan sebagai panduan kepada bab-bab yang seterusnya. Dengan adanya panduan, penulis tidak akan terpesong dalam penulisannya kerana setiap butiran akan dirujuk kepada bab satu.

Bab kedua - Latar belakang Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah

Dalam bab kedua pula, penulis memberi tumpuan berkait dengan tajuk yang ingin disampaikan dan menjawab segala apa yang ingin dibincangkan. Antaranya ialah sejarah kompetesi mempertahankan diri di Kedah. Penulis merungkai susur galur dan perkembangan dari awal tentang kemasukan aliran seni mempertahankan diri yang

menjadi pencetus kepada permulaan kemasukan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong

Kedah. Selain itu, penulis juga mengkaji tentang pengasas Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK) yang wujud di kawasan kajian dan merungkai bagaimana pertubuhan tersebut digerakan oleh beliau. Pengasasan pertubuhan menyebabkan aliran seni silat semakin berkembang di dalam negara dan menjadi salah satu ilmu bela diri yang akan dipelajari oleh masyarakat Melayu. Dalam bab 2 ini juga, penulis meneliti tentang pengisian aktiviti Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Hal ini demikian kerana, pengisian aktiviti tersebut menjadi salah satu tarikan yang menjadikan sebahagian masyarakat menyertai pertubuhan tersebut. Selain daripada itu, dalam bab kedua ini juga dibincang tentang asal usul penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah yang dikatakan sebagai pecahan daripada Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia. Penulis akan merungkai punca kepada perpecahan dan pengurusan organisasi yang ditubuhkan. Menerusi bab ini pengkaji menekankan





permulaan kepada wujudnya pertubuhan persatuan ini di kawasan Kedah khususnya dan penerimaan awal serta penglibatan masyarakat setempat.

Bab Ketiga – Penglibatan Ahli Dalam Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah

Dalam bab ketiga, penulis menceritakan mengenai objektif kedua iaitu peraturan dan perundangan dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Menerusi bab ini penekanan dilihat dari segi penglibatan ahli dalam Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong dalam aktiviti yang dijalankan oleh persatuan tersebut. Selain itu, bab ini juga menyentuh tentang jumlah keanggotaan ahli dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Penulis merungkai keahlian persatuan tersebut mengikut tahun yang dikatakan mempunyai pertambahan ahli dari tahun ke tahun. Di samping itu, dalam bab tiga juga penulis akan membincangkan syarat kelayakan dan undang-undang serta peraturan dalam PSSPGK. Hal ini demikian kerana, untuk menjadi ahli dalam persatuan tersebut, seseorang itu wajib mengikuti syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Seterusnya, penulis juga melihat penubuhan biro ejen dan peraturan untuk pendidikan ahli persatuan.

Bab Empat – Perkembangan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah.

Bab empat pula berkaitan dengan objektif ketiga yang membincangkan tentang penglibatan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah dalam memberi khidmat sosial kepada masyarakat. Penulis merungkai setiap cawangan persatuan yang ada di





Kedah termasuk tenaga pengajar yang terlibat. Penulis membincangkan tentang pertubuhan dalam gerakan badan-badan bukan kerajaan. Hal ini demikian kerana, penglibatan mereka bersama badan-badan bukan kerajaan menjadi pemancu kepada penyatuan masyarakat. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji menulis tentang penglibatan persatuan ini dalam sukan olahraga dalam membekalkan atlet dan memperkenalkan pertubuhan kepada masyarakat khusus pada tahun 1987 apabila Malaysia menjadi tuan rumah yang pertama kepada Kejuaraan Silat Sedunia, Kuala Lumpur. Di samping itu juga, penulis merungkai aliran perbelanjaan pendapatan pertubuhan tersebut.

Bab Lima –Kesan Penubuhan Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah



Seterusnya bab lima yang membincangkan tentang kesan penubuhan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong terhadap bangsa, agama, dan negara. Hal ini demikian kerana, setiap organisasi yang didirikan memberi kesan yang amat mendalam kepada pembangunan masyarakat dan negara. Dalam bab ini penulis merungkai setiap kejayaan yang diperoleh khususnya anugerah dan pengiktirafan yang diperoleh oleh Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. Pengiktirafan dan anugerah yang diperoleh adalah berdasarkan kepada penglibatan ahli secara aktif sama ada secara individu atau kumpulan untuk meningkatkan dan mengharumkan lagi nama Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. Dalam bab lima juga, penulis turut menceritakan cara Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong membentuk persatuan Melayu di Kedah. Selain itu, menerusi bab ini juga penulis akan merungkai sumbangan persatuan kepada Malaysia khusus dalam ketenteraan awam.





Bab Enam – Kesimpulan

Seterusnya dalam bab akhir iaitu bab enam yang merupakan penutup kepada penulisan ini. Penulis membuat kesimpulan yang menyeluruh tentang sejarah perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong dalam kalangan masyarakat di Kedah, dari tahun 1956 sehingga 1987. Kesimpulan menyeluruh dibuat berdasarkan bab-bab yang telah dibahagi dalam penulisan ini.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab satu ini merupakan satu cadangan untuk membimbing pengkaji bagi melakukan kajian yang ingin dibuat oleh pengkaji. Pengkaji telah menyatakan beberapa objektif yang menjadi panduan bagi pengkaji seperti mengkaji penglibatan ahli dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah. Secara keseluruhannya, kajian tentang Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah, 1956-1987 yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah untuk melihat perkembangan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Kedah (PSSPGK) bergiat aktif dalam aktiviti yang melibatkan pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Selain itu juga kajian ini dibuat adalah untuk memperlihatkan kegiatan Pertubuhan PSSPGK yang memberi keutamaan kepada kebajikan pendidikan ahli-ahli persatuan dengan memperkenalkan asas dan prinsip persatuan dalam membentuk keperibadian anggota tentang penjagaan kesihatan serta peraturan dan undang-undang. Hal ini melihat apabila permulaan PSSPGK adalah salah satu pertubuhan yang berdaftar secara langsung dapat menarik minat masyarakat untuk melibatkan diri dalam persatuan ini yang dapat membentuk jati





diri digunakan dalam kehidupan seharian. Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong terletak pada sokongan dan komitmen yang diberikan oleh organisasi dan guru-guru silat. Hal ini demikian kerana, aktiviti persatuan ini sentiasa bergiat aktif dan dikawal selia oleh pihak pentadbiran. Sebagai contohnya, ujian kenaikan tali pinggang sememangnya telah disusun dengan sistematik dan ia dipatuhi oleh guru-guru silat untuk melaksanakannya serta tarikh telah ditetapkan berdasarkan kepada kesepakatan dalam organisasi. Malahan, pihak pentadbiran juga menganjurkan aktiviti yang melibatkan murid-murid daripada cawangan lain sebagai inisiatif untuk merapatkan hubungan antara mereka. Kekuatan persatuan sememangnya terletak pada komitmen dan tangjungjawab yang tinggi daripada guru-guru silat. Matlamat yang jelas untuk menjadikan persatuan semakin maju serta sanggup memberikan komitmen yang tinggi adalah kunci kepada kejayaan persatuan lebih berkembang.

